

23/01/1997

Lion minat pulih Perwaja

KUMPULAN Lion (Lion) mengesahkan masih berminat menyertai usaha pemulihan Perwaja Steel Sdn Bhd (Perwaja) dan kini menunggu kerajaan mengumumkan jumlah pegangannya dalam struktur ekuiti baru syarikat itu.

Pengerusi Eksekutifnya, Tan Sri William Cheng, berkata Lion menyerahkan kepada kerajaan menentukan syarat dan peraturan mengenai harga serta bentuk bayaran dalam pemberian ekuiti itu selepas kedua-dua pihak mengadakan perundingan.

Beliau berkeyakinan kerajaan akan mengumumkan keputusannya dalam tempoh satu atau dua bulan lagi.

"Kami masih berminat, tidak benar kalau mengatakan kami tidak berminat. Perundingan sudah dijalankan, tetapi kerajaan belum memberitahu kami mengenai keputusannya," katanya kepada pemberita selepas majlis menandatangani perjanjian Nota Jaminan Kadar Terapung berjumlah RM2.48 bilion bagi Amsteel Finance International B.V di Kuala Lumpur, semalam.

Ditanya mengenai pegangan ekuiti yang dianggap selesa kepada Lion, beliau berkata: "Perdana Menteri sudah merujuk kepada perkara itu, iaitu di antara 30 dan 49 peratus. Tetapi kami menyerahkannya kepada kerajaan".

Dalam rancangan awal menyelamatkan Perwaja, Maju Holdings diberikan 51 peratus ekuiti, Lion (30 peratus) manakala selebihnya dipegang oleh kerajaan.

Bagaimanapun, Lion menarik diri daripada usahasama itu dipercayai kerana tidak mahu usaha menyelamatkan dan pemulihan Perwaja dibebankan dengan hutang berjumlah RM6 bilion.

Sehubungan itu, Maju menjadi pemegang ekuiti utama manakala selebihnya dipegang oleh kerajaan termasuk 19 peratus pegangan Kerajaan Negeri Terengganu.

Pada awal Januari lalu, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan Maju Holdings akan memulakan usaha pemulihan syarikat pengilang besi itu bebas daripada tanggungan hutang.

Perdana Menteri juga berkata Lion masih berpeluang untuk memiliki ekuiti dalam Perwaja. Ini kerana kerajaan boleh mengagihkan 49 ekuiti yang kini dipegangnya kepada mereka yang berminat.

Menurut Cheng, punca sebenar penarikan diri Lion daripada konsortium itu ialah ekoran daripada penubuhan syarikat pengurusan yang ditugaskan mengendalikan perjalanan Perwaja selama enam bulan daripada Julai hingga Disember lalu.

"Kami diminta membayar RM200 juta untuk syarikat pengurusan itu. Oleh kerana Lion adalah syarikat awam dan kami tidak tahu syarat terperinci cadangan itu, kami tidak boleh membayar begitu sahaja," katanya.

(END)